

Ruj. Kami : MQA.600-2/10/2957 (10)
Tarikh : 16 Disember 2024

Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif
Universiti Multimedia (MMU)
Jalan Multimedia
63100 Cyberjaya
SELANGOR

Tuan,

PENYENARAIAN PROGRAM ATAU KELAYAKAN KE DALAM SENARAI PERAKUAN AKREDITASI SEMENTARA (PAS) AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MALAYSIAN QUALIFICATIONS AGENCY, MQA)

**PROGRAM : IJAZAH SARJANA MUDA SAINS (KEPUJIAN)
KEPINTARAN BUATAN GUNAAN**
NOMBOR RUJUKAN : MQA/PSA 18303

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Program Swaakreditasi, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) yang bermesyuarat pada **04 Disember 2024** telah meneliti permohonan tuan dan bersetuju untuk menyenaraikan program seperti di atas ke dalam senarai PAS untuk tempoh **5 tahun bermula dari tarikh surat ini**. Maklumat lanjut program adalah seperti di **Lampiran 1**.

3. Pihak tuan adalah diminta untuk menjalankan penilaian Akreditasi Penuh sebelum kohort pertama pelajar memulakan semester akhir program.

4. Sekiranya program atau kelayakan tersebut telah diberi Akreditasi Penuh, pihak tuan boleh mendaftarkan program atau kelayakan tersebut ke dalam Daftar Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Register, MQR) berdasarkan peruntukan Seksyen 62 Akta MQA 2007 [Akta 679]. Justeru pihak tuan dimohon untuk memaklumkan status akreditasi program terbabit kepada MQA dari semasa ke semasa untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' PROF. DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)

s.k.:

- 1) Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5
62200 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

- 2) Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Suite A-21-1, Level 21, 157 Hampshire Place Office
No. 1, Jalan Mayang Sari
50450 KUALA LUMPUR

- 3) Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 KUALA LUMPUR

LAMPIRAN 1

1. **Nombor Rujukan MQA** : MQA/PSA 18303
2. **Maklumat Program:**
 - a. **Nama Program** : Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Kepintaran Buatan Gunaan
Bachelor of Science (Honours) in Applied Artificial Intelligence
 - b. **Nama PPT** : Universiti Multimedia (MMU)
 - c. **Kelayakan** : Ijazah Sarjana Muda
 - d. **Tahap MQF** : Tahap 6
 - e. **Kredit Bergraduasi** : 120 Kredit
 - f. **Bidang dan *National Education Code (NEC)* Dimohon PPT** : 0613 - *Computer Science*
0741 - *Engineering Technology*
0713 - *Electronics and Automation*
 - Bidang dan *National Education Code (NEC)* Diperakukan** : 0611 - *Information technology and information system*
 - g. **Bahasa Pengantar** : Bahasa Inggeris
 - h. **Kaedah Pengajian** : Sepenuh Masa
 - i. **Kaedah Penyampaian Program** : Konvensional
 - j. **Kaedah Pembelajaran dan Pengajaran** : Kuliah, Tutorial, Amali, Projek dan Latihan Industri
 - k. **Mod Penawaran Program** : Kerja Kursus
 - l. **Tempoh Pengajian** :

	Sepenuh Masa		
	Semester Panjang	Semester Pendek	Latihan Industri
Bil. Minggu*	17	9	12
Bil. Semester	6	2	1
Bil. Tahun	3 tahun		

* Termasuk bilangan minggu ulang kaji dan peperiksaan

- m. **Institusi Penganugerahan** : Universiti Multimedia (MMU)
- n. **Alamat Program Dijalankan** : Jalan Multimedia, 63100 Cyberjaya, Selangor

**o. Kelayakan Masuk Program :
Dimohon**

- *Pass Foundation / Matriculation studies in related field from a recognised institution with a minimum CGPA of 2.0; OR*
- *Pass Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) or its equivalent with a minimum Grade C (GP 2.00) in any 3 subjects inclusive of Mathematics and Physics; OR*
- *Pass A-Level with a minimum of Grade D in any three (3) subjects inclusive of Mathematics and Physics; OR*
- *Pass Unified Examination Certificate (UEC) with a minimum of Grade B in at least five (5) subjects inclusive of Mathematics and Physics; OR*
- *Recognised Diploma in the related field with a minimum CGPA of 2.75 or its equivalent; * OR*
- *Pass DKM / DLKM / DVM with a minimum CGPA of 2.75. Candidates with CGPA below 2.75 MUST have at least two (2) years of work experience in the related field.***

Note:

**Candidates with CGPA below 2.75 but above 2.0 may be admitted subject to a rigorous internal assessment process.*

***DKM / DLKM / DVM candidates may be required to undergo Bridging Programme as an additional requirement.*

- p. Jangkaan Sesi Dimulakan** : Mac 2025
- q. Jangkaan Graduasi Pertama** : Mac 2028
- r. Tarikh Kelulusan Senat** : 30 Oktober 2024

3. Syarat-syarat Khusus Penyenaraian Program:

- 3.1 Memastikan penawaran dan pelaksanaan program memenuhi ketetapan seperti mana yang dinyatakan di dalam Advisory Note No. 2/2024 berkaitan Penawaran Program Tahap Ijazah Sarjana Muda Dalam Bidang Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence, AI) dan mematuhi Standard Program: Komputeran termasuk Ketua Program, National Education Code (NEC), staf akademik, kelayakan masuk dan lain-lain yang berkaitan.
- 3.2 Institusi yang tertakluk di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) perlu mendapatkan kelulusan YB Menteri Pendidikan Tinggi bagi penggunaan bahasa pengantar selain daripada Bahasa Kebangsaan.
- 3.3 Memastikan Ahli Panel Penilai dalaman yang dilantik hendaklah daripada fakulti yang berbeza atau kampus cawangan PPT dalam bidang program yang berbeza dengan program yang dinilai. APP dalaman hendaklah yang tidak terlibat secara langsung atau tidak mempunyai kepentingan dengan program yang dinilai.